

Fasal 27. Program pengawasan kesihatan.

(1) Jika sesuatu penaksiran menunjukkan bahawa pengawasan kesihatan perlu untuk perlindungan kesihatan pekerja yang terdedah atau mungkin terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, majikan hendaklah menjalankan program pengawasan kesihatan.

(2) Komponen pengawasan perubatan kepada program pengawasan kesihatan dalam subperaturan (1) hendaklah dijalankan oleh seseorang doktor kesihatan pekerjaan.

(3) Jika seseorang pekerja terdedah atau mungkin terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang disenaraikan dalam Jadual II, pengawasan kesihatan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) hendaklah termasuk

pengawasan perubatan yang dijalankan pada lat tempoh yang tidak lebih dari dua belas bulan atau pada lat tempoh yang singkat sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor kesihatan peker

jaan atau seseorang pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang juga ialah seorang pengamal perubatan.

(4) Majikan hendaklah memastikan bahawa rekod pengawasan kesihatan atau sesalinan rekod pengawasan kesihatan itu disenggarakan dalam keadaan teratur dan baik dan disimpan bagi

tempoh tiga puluh tahun dari tarikh catatan terakhir yang dibuat padanya.

(5) Majikan hendaklah menyediakan apabila diminta semua rekod yang dikehendaki disenggarakan di bawah subperaturan (3) kepada Ketua Pengarah untuk pemeriksaan dan

penyiasatan.

(6) Majikan hendaklah, selepas notis yang munasabah diberikan, membenarkan mana-mana pekerjaanya mendapatkan rekod pengawasan kesihatan yang berhubungan dengan pekerja itu

JADUAL II

(Subperaturan 27(3))

Bahan kimia yang baginya pengawasan perubahan adalah wajar

1. 4-Aminofedinil
2. Arsenik dan mana-mana sebatianannya
3. Asbestos (semua bentuk kecuali krosidolit)
4. Asid kromik
5. Auramina, Megenta
6. Benzidina
7. Berilium
8. Gejala
9. Isosianat
10. Kadmium dan mana-mana sebatianannya
11. Karbon disulfida
12. Disulfur klorida
13. Benzena termasuk benzol
14. Karboon tetraklorida
15. Trikloroetilena
16. n-Heksana
17. bis (klorometil) eter
18. Kromium, logam dan sebatian tak organik,
contohnya:
 - Sebatian CrVI terlarutkan air
 - Sebatian CrVI tak terlarutkan air
19. Mangan

20. Merkuri
21. Minyak mineral termasuk parafin
22. Monomer vinil klorida (MVK)
23. β -Naftilamina
24. 1-Naftilamina dan garamnya.
25. Ortolidina dan garamnya
26. Dianisidina dan garamnya
27. Diklorobenzidina dan garamnya
28. 4-Nitrodifenil
29. Panggangan nikel sulfida, wasap dan habuk, sebagai Ni
30. Plumbum (termasuk sebatian plumbum tak organik)
31. Racun perosak
32. Silika berhablur bebas
33. Tar, bitumen atau kreosot
34. Terbitan nitro atau amino daripada fenol atau terbitan nitro atau amino daripada benzena atau homolognya
35. Wasap nitrus. Kromat atau dikromat kalium, natrium, ammonium atau zink